

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan meminda akta Mahkamah Syariah untuk mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah setanding Mahkamah Sivil khususnya Akta 355 Mahkamah Syariah.

JAWAPAN : **(YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan komited dalam mempergiat langkah untuk mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah agar setanding dengan Mahkamah Sivil secara menyeluruh dan komprehensif. Kerajaan akur bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terbatas dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [*Akta 355*].

NO. SOALAN : 22

Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta 355. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dilaksanakan secara berasingan kerana aspek pemerksaan Mahkamah Syariah bukan sahaja tertumpu terhadap isu bidangkuasa di bawah Akta 355 semata-mata, akan tetapi ia meliputi pelbagai aspek yang lebih penting seperti peningkatan tahap kompetensi Hakim, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama, penambahbaikan aspek tadbir urus dan prasarana pihak-pihak yang terlibat, penggubalan dan pindaan undang-undang syariah sedia ada dan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang syariah.

Dalam memastikan pemerksaan Mahkamah Syariah dilaksanakan secara konsisten, Kerajaan komited dalam usaha untuk menyeragamkan dan menyelaraskan undang-undang syariah. Sehingga hari ini, terdapat lima (5) undang-undang syariah utama yang telah diseragamkan oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia iaitu:

- a) undang-undang pentadbiran agama Islam;
- b) undang-undang keluarga Islam;
- c) undang-undang keterangan mahkamah syariah;
- d) undang-undang tatacara mal mahkamah syariah; dan
- e) undang-undang tatacara jenayah syariah.

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menggubal draf model undang-undang syariah bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang negeri-negeri di seluruh Malaysia. Antaranya, Kerajaan sedang dalam proses untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah

syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman.

Kerajaan juga sentiasa komited untuk mereformasikan Mahkamah Syariah melalui pemerksaan pentadbiran Kehakiman Syariah dengan cadangan untuk mewujudkan hierarki baru Mahkamah Syariah daripada tiga (3) peringkat sehingga kepada lima (5) peringkat. Selain itu, untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi Hakim Syarie, Kerajaan juga telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut :

1. Penambahbaikan berterusan Modul Utama Latihan Undang-undang seperti latihan wajib pemantapan undang-undang keterangan dan pemantauan prestasi hakim-hakim melalui alasan penghakiman oleh Mentor.
2. Kolaborasi Strategik Bersama Agensi Akademik dan Undang-undang untuk membangunkan modul latihan yang lebih efisien, kajian undang-undang dan hukum syarak yang memberi impak tinggi.

Sekian, terima kasih.